

09/01/2003

Perdana Menteri letak batu asas

IPOH: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka melakukan upacara peletakan batu asas pembinaan kampus utama Universiti Tunku Abdul Rahman (Utar) di Kampar pada Ahad ini.

Pengerusi MCA Perak, Datuk Ong Ka Chuan, berkata lebih 30,000 rakyat pelbagai kaum akan turut menyaksikan majlis bersejarah yang bermula jam 2.30 petang.

Katanya, sempena majlis itu beberapa acara, termasuk deklamasi sajak yang ditujukan khusus untuk Dr Mahathir akan dipersembahkan sebagai tanda terima kasih rakyat kepada Dr Mahathir yang akan bersara Oktober ini.

"Selain peletakan batu asas untuk Utar, majlis itu juga menjadi medan bagi rakyat menyatakan rasa terima kasih ke atas jasa Perdana Menteri sejak memimpin negara selama 21 tahun," katanya semalam.

Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dan Menteri Besar, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali dijangka turut hadir.